

14 JUL 1998

Mahathir-Pendapatan

JANGAN TERLALU UTAMAKAN PENDAPATAN TINGGI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan kakitangan kerajaan supaya tidak terlalu mengutamakan pendapatan yang tinggi sehingga menyebabkan perkhidmatan yang penting untuk negara akan dikuasai oleh orang asing.

Kerajaan sedar bahawa tangga gaji kakitangan dalam semua perkhidmatan kerajaan tidak seperti dalam sektor swasta termasuk dalam bidang perubatan.

"Saya bersyukur kerana ramai juga daripada doktor dan pakar yang memilih untuk terus bekerja dengan kerajaan walaupun pendapatan tidak sebegitu tinggi," kata beliau ketika merasmikan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bandar Tun Razak di sini hari ini.

Ada juga pakar yang memilih untuk terus bekerja dengan kerajaan selepas bersara dan gaji yang kecil tidak menjadi masalah kepada mereka, katanya.

Dr Mahathir berterima kasih kepada mereka kerana jika tidak, majoriti doktor kerajaan akan terdiri daripada orang asing. Begitu juga dengan jururawat yang sekarang semakin ramai terdiri daripada orang asing.

Perdana Menteri berkata tidak ada negara maju yang dapat mengekalkan kemajuannya jika bergantung kepada orang asing.

Dr Mahathir berkata beliau sedih kerana semasa lawatannya ke fakulti perubatan di luar negara dan berjumpa dengan penuntut-penuntut Malaysia di sana, mereka bertanya mengenai tangga gaji doktor yang pada pendapat mereka adalah terlalu rendah.

Katanya golongan pelajar itu yang belum tentu boleh mendapat ijazah nampaknya sudahpun memikirkan tentang gaji.

"Pendapatan memanglah penting bagi sesiapa sahaja tetapi eloklah semasa belajar kita tumpukan kepada mendapat kelulusan dahulu sebelum kita memikirkan soal gaji.

"Atau jika kita anggap pendapatan begitu penting, maka awal-awal lagi kita semak tangga gaji dalam perkhidmatan perubatan, dan jika kita dapati ia tidak mencukupi, kita pilih jurusan lain yang boleh memberi pendapatan yang lebih lumayan," katanya.

Dr Mahathir, yang juga seorang doktor perubatan, berkata sebenarnya budaya perubatan di banyak negara maju sudah merosot dengan doktornya tidak lagi memandang profesion mereka sebagai satu khidmat kemasyarakatan tetapi sebagai kegiatan mendapat pulangan yang setinggi mungkin.

"Komitmen mereka kepada pesakit terhad kepada banyak mana bayaran yang akan diperolehi dan layanan peribadi juga dipengaruhi oleh jumlah pendapatan," katanya.

Beliau berkata Di Barat juga terdapat tabiat pesakit mendakwa doktor dan hospital kerana disyaki melakukan kecuaiian dengan tujuan mendapatkan pampasan yang kadang-kadang berjumlah berjuta-juta dolar.

Kerana itu doktor dan hospital lebih berhati-hati sehinggakan pemeriksaan canggih yang tidak perlu dibuat sebagai rutin supaya tidak dituduh cuai dalam memberikan rawatan.

Ini mengakibatkan kos rawatan menjadi terlalu tinggi sehingga orang miskin tidak mendapat khidmat yang diperlukan, katanya.

"Ini perkara biasa di negara maju, pesakit menjadi bankrap kerana rawatan yang terlalu canggih yang begitu tinggi kosnya," kata Dr Mahathir.

Menurutnya lagi, keadaan di Malaysia tidak begitu dan peguam tempatan tidak mengajar pesakit supaya mendakwa doktor atau hospital di mahkamah bagi mendapatkan ganti rugi yang besar untuk dibahagikan antara pesakit dan peguam.

Katanya ini tidak bermakna doktor dan hospital tidak perlu berhati-hati dan memberi rawatan yang terbaik memandangkan profesion doktor perubatan adalah satu khidmat kemasyarakatan.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata banyak juga doktor di negara maju menganggap kedokteran perubatan sebagai khidmat kemanusiaan seperti yang ditunjukkan oleh kumpulan doktor Perancis yang menggelar diri mereka doktor tanpa sempadan.

"Mereka ini sengaja memilih tempat-tempat di negara membangun yang menghadapi masalah perubatan, berbahaya dan risiko perang untuk menawar khidmat mereka.

"Mereka tidak memihak kepada mana-mana pihak, hanya pesakit yang mereka ingin rawat dengan rawatan perubatan moden," katanya.

-- BERNAMA  
RAZ MAM NMO